

# 996 mohon pinjaman Skim Kredit Mikro BPM

UM 10 JUN 2003

MELAKA 9 Jun — Kira-kira 996 orang telah memohon pinjaman di bawah Skim Kredit Mikro yang dikelolakan oleh Bank Pertanian Malaysia (BPM).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Hashim Ismail berkata, setakat ini, bank tersebut telah mengeluarkan kira-kira RM15 juta daripada peruntukkan RM1 bilion dari kerajaan untuk membangunkan sektor pertanian.

Menurutnya, kira-kira RM200 juta lagi akan dikeluarkan kelak bagi menampung jumlah permohonan yang dijangka meningkat dalam tempoh yang singkat.

“Permohonan orang ramai menerusi skim dijangka meningkat dalam tempoh beberapa minggu lalu melalui promosi besar-besaran memperkenalkan skim tersebut ke seluruh negara.

“Setakat ini, kita sudah ke Kelantan, Perak dan kini tinggal Johor serta Sarawak untuk mempromosikan skim ini dalam tempoh dua minggu lagi,” katanya selepas menghadiri majlis penerangan Skim Kredit Mikro kepada para usahawan, kakitangan jabatan kerajaan dan swasta anjuran BPM, dekat sini hari ini.

BPM dilantik oleh kerajaan mengendalikan skim kredit mikro dengan dana berjumlah RM500 juta dan sebagai permulaan sebanyak RM200 juta telah disalurkan kepada BPM bagi tujuan memberi pinjaman di bawah skim tersebut.

**Bandana Mantani** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

mumkan Pakej Strategi Baru Ekonomi bernilai RM7.3 bilion dengan 26 peratus atau RM1.9 bilion daripadanya untuk membangunkan sektor pertanian yang akan diurus oleh BPM.

Melalui dana RM1.9 bilion berkenaan, RM500 juta akan disalurkan untuk peniaga kecil kendalian BPM dan RM300 juta diletakkan di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).

Dana RM200 juta lagi disalurkan sebagai tambahan kepada dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di bawah BPM.

Menurut Hashim, di bawah skim itu, pinjaman dengan kadar faedah empat peratus setahun itu diberikan kepada mereka yang layak tanpa perlu mengemukakan cagaran kerana jaminan adalah berdasarkan